

Peserta projek ladang kelulut mampu raih RM2,500 sebulan

Nazdy Harun
am@hmetro.com.my



PESERTA ternakan madu kelulut di Kampung Menerong, melihat sarang lebah kelulut yang diusahakan. FOTO Nazdy Harun

Kuala Berang: Projek madu kelulut yang diusahakan penduduk Kampung Menerong, di sini, sejak empat bulan lalu membuka peluang rezeki buat 35 pesertanya.

Fakhul Adli Azman, 33, berkata, ladang penternakan kelulut itu mampu menjana pendapatan mencecah hingga RM2,500 sebulan dan ia satu jumlah yang besar bagi peserta.

Menurutnya yang bekerja sebagai pengait buah sawit berkata, peluang yang diberikan amat bernilai selain menjana pendapatan.

Katanya, peserta juga boleh menambah ilmu berkaitan ternakan lebah kelulut yang kini terdapat 55 sarang serangga itu yang diusahakan.

"Projek seperti ini memberi impak dalam meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat kerana ia dilakukan secara profesional dengan bantuan tenaga pakar daripada Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

"Alhamdulillah, projek ladang kelulut ini berjalan lancar dan ia amat bersesuaian diwujudkan terutama di kawasan kampung yang persekitaran masih terpulihara," katanya.

Ketua projek, Muhammad Alwi To, 45, berkata, komuniti Kampung Menerong yang terbabit dalam projek ini mendapat sokongan UMT dalam kepakaran penyelidikan, latihan dan pemasaran.

"Kolaborasi ini mampu mengoptimumkan potensi madu kelulut sebagai produk yang bernilai tinggi dan meningkatkan pendapatan peserta dalam masa yang sama.

"Kami sudah menjenamakan produk madu kelulut Kampung Menerong ini dengan nama 'Madu 2 Hulu' sebagai satu inisiatif untuk mengekalkan produk yang dihasilkan di pasaran.

"Dengan penjenamaan berkenaan diharap Madu 2 Hulu mendapat sambutan daripada pemain industri kelulut tanah air," katanya.

Katanya, UMT turut menawarkan latihan kepada peserta dari segi teknik penternakan kelulut yang betul ia termasuk memberi pendedahan tentang teknik pembiakan, pengurusan kelulut dan penghasilan madu yang bermutu tinggi.

Menurutnya, projek di bawah dana Komuniti@UniMadani, Kementerian Kewangan dan mendapat suntikan sebanyak RM36,200, manakala Dana Sejati Madani yang disalurkan berjumlah RM100,000 daripada daripada Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

Sementara itu, Penyelidik UMT Prof Dr Shamsul Bahri berkata, projek ini dijangka dapat menghasilkan 15 hingga 20 kilogram madu kelulut setiap bulan.

"Melalui projek ini pihaknya berhasrat untuk menambahkan koloni kelulut daripada 55 kepada 100 koloni dalam masa terdekat.

"Selain penghasilan madu, peserta turut dibimbing oleh penyelidik UMT dalam penghasilan produk hiliran seperti produk kecantikan dan sabun sebagai pendapatan tambahan projek ini," katanya.

Menurutnya, projek ini turut mendapat kerjasama Persatuan Lebah Kelulut Terengganu (PLKT) bagi memasarkan produk madu ini, manakala produk-produk hiliran yang dihasilkan mendapat kerjasama dengan industri yang menjalankan kerjasama strategik dengan UMT bagi tujuan pemasaran produk hiliran yang dikeluarkan oleh pengusaha kelulut.

"Alhamdulillah dengan penubuhan Galeri Madu Kelulut akan memudahkan produk hiliran dan madu dipamer dan dijual.

"Galeri ini dibuka untuk kunjungan orang ramai bagi melihat sendiri cara ternakan kelulut dilakukan serta boleh merasai aktiviti menuai madu apabila tiba masa yang sesuai," katanya.

Disiarkan pada: Disember 5, 2024 @ 2:39pm